

Naik sejak Februari

Kota Bharu: Peniaga barangan runcit sekitar daerah ini mengakui harga bawang merah naik tiga kali ganda beberapa bulan lalu.

Tinjauan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di Tunjong di sini, semalam mendapati harga bawang merah dijual antara RM10 dan RM12 satu kilogram (kg).

Bagi peniaga, Norhidayu Abd Hamid, 23, berkata, sebelum ini bawang merah dijual pada harga RM2.50 satu kg.

"Saya mula menyedari kenaikan harga bawang merah selepas Tahun Baharu Cina, pada Februari lalu. Boleh kata setiap bulan harga bawang naik RM1 setiap kg dan sekarang dijual RM12 satu kg.

"Bawang merah paling murah berbanding bawang besar dan bawang putih yang masing-masing dijual RM4 dan RM9 satu kg.

"Tapi sekarang harga bawang merah mendahului dan naik mendadak hingga tiga kali ganda," katanya ke-



Saya mula menyedari kenaikan harga bawang merah selepas Tahun Baharu Cina, pada Februari lalu"

Norhidayu Abd Hamid

tika ditemui, semalam.

Sementara itu suri rumah, Haryati Awang, 48, meluahkan rasa tidak puas hati dan terkilan dengan kenaikan harga bawang merah ini yang membebankan pengguna.

"Bawang merah menjadikan makanan lebih sedap, jadi saya tidak ada pilihan dan kena beli meskipun harganya mahal, sudah jadi satu keperluan.

"Harap pihak berkenaan ambil tindakan sewajarnya dengan menyelaraskan semula harga bawang merah, apa berlaku membebankan peniaga dan pengguna," katanya.



**REAKSI
ORANG
RAMAI
HARGA
BAWANG
NAIK**



Hanya bawang dari Belanda
murah sedikit iaitu RM16.50
bagi setiap seguni seberat
lapan kilogram”

Tan Gim Teong



Sebelum ini, kami menjual
bawang besar antara
RM2.50 hingga RM3
sekilogram tetapi sejak dua
bulan lalu, harganya naik
hingga RM7 sekilogram”

Noorjahan Mohd Ibrahim





Kecuali bawang putih saya guna sikit saja kerana harganya juga mahal, sudah dua bulan saya berjimat cermat menggunakan bawang”

Sarina Said



Sebelum ini saya hanya menjual bawang besar India dengan harga antara RM3 hingga RM5 sekilogram tetapi sejak bulan lalu sudah tidak menjualnya kerana harganya terlalu tinggi”

Noorzihan Aji Alang Wahi



Kalau sebelum ini saya membeli bawang besar dengan harga RM3 hingga RM5 sekilogram tetapi sekarang harga meningkat lebih sekali ganda”

G Shalini Devi